

**15 DISEMBER 2020 ( SELASA)**

### Sungai Ichat diwarta Hutan Simpan, Lubuk Yu bakal jadi Taman Negeri

**KUANTAN** - Kerajaan negeri Pahang mewartakan kawasan seluas 121.12 hektar di Sungai Ichat, Cameron Highlands sebagai Hutan Simpan Sungai Ichat, manakala Lubuk Yu di Maran pula akan diwartakan sebagai Taman Negeri Pahang.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, langkah itu bagi melindungi keindahan warisan khazanah alam negeri Pahang, sekali gus meningkatkan aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

“Pewartaan sebagai Hutan Simpan ini adalah usaha untuk memulihkan kawasan Sungai Ichat di Cameron Highlands yang terjejas teruk akibat pencemaran disebabkan oleh aktiviti pekebun haram.

“Lubuk Yu di Maran pula bakal diwarta sebagai Taman Negeri Pahang. Justeru, Lubuk Yu dan Sungai Ichat kini boleh

digunakan untuk aktiviti ria-dah terkawal dan ini merupakan kejayaan besar kepada seluruh anak negeri Pahang,” katanya dalam kenyataan Facebook beliau pada Ahad.

Selari dengan seruan United Nation World Tourism Organisation (UNWTO) berkenaan iltizam pelancongan mampan, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri Pahang akan memastikan tanggungjawab penjagaan alam sekitar dan tindakan pemuliharaan diberikan tumpuan berterusan.

“Aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di seluruh Pahang akan ditingkatkan terutama bagi tempat tumpuan yang boleh dijadikan pusat ekopelancongan,” katanya.

Wan Rosdy berkata, pelbagai inisiatif akan dilaksanakan kerajaan negeri bagi meningkatkan semula kemasukan pelancong ke dalam negeri itu.